

KENYATAAN MEDIA

LEBIH TERANG LEBIH SELAMAT: PEMASANGAN REFLEKTOR PATUH PIAWAIAN TINGKATKAN KEBOLEHLIHATAN KENDERAAN DAN MAMPU MENYELAMATKAN NYAWA PENGGUNA JALAN RAYA

KAJANG, 15 JANUARI 2021 – Pemasangan reflektor yang menepati piawaian pada kenderaan mampu meningkatkan kebolehlihatan dan mengurangkan risiko pelanggaran di antara kenderaan berat dengan kenderaan lain. Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menunjukkan motosikal dan kereta adalah kenderaan yang sering melanggar belakang lori disebabkan isu kebolehlihatan. Faktor kebolehlihatan juga memainkan peranan yang penting kepada kenderaan berat dan dagangan disebabkan oleh saiznya yang besar dan halaju yang lebih perlahan yang mana ianya akan menyukarkan pengguna jalan raya yang lain untuk mengenal pasti kenderaan tersebut terutamanya ketika pemandu memandu pada waktu malam.

Kajian yang dijalankan oleh MIROS menggunakan data penyiasatan kemalangan jalan raya menunjukkan peratusan kemalangan langgar belakang yang melibatkan lori adalah sebanyak 28 peratus. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kemalangan menyebabkan jenis kemalangan ini adalah isu kebolehlihatan ("*conspicuity*"). Selain itu, kajian juga mendapati bahawa 40 peratus kemalangan berlaku pada waktu malam dan melibatkan kemalangan langgar belakang. Hal ini disebabkan oleh tahap penglihatan yang terhad bagi pemandu yang memandu pada waktu malam dan kesannya mengakibatkan pemandu lambat bertindak balas untuk mengesan dan mengenal pasti kehadiran kenderaan di hadapan mereka.

Dalam mempergiatkan usaha mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan melibatkan kenderaan berat dan dagangan, MIROS dengan kerjasama Trittech Sdn. Bhd. telah melancarkan video kempen bertajuk "**Lebih Terang Lebih Selamat**" bertujuan untuk mengingatkan kepada operator serta pemilik kenderaan berat dan dagangan terhadap kepentingan penggunaan reflektor yang memenuhi piawaian

yang dibangunkan oleh SIRIM, iaitu MS 828:2011. Penggunaan reflektor yang memenuhi piawaian dapat meningkatkan kebolehlihatan terutama kepada pemandu kenderaan lain selaras dengan Garis Panduan Pemasangan Reflektor MS 828:2011 pada Kenderaan Perdagangan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

“Penggunaan reflektor MS 828:2011 adalah amat digalakkan bagi kenderaan berat dan dagangan yang lebih-lebih lagi yang membawa muatan bahaya. Ini bagi meningkatkan tahap kebolehlihatan, terutamanya ketika dipandu dalam keadaan gelap. Reflektor ini juga didapati dapat meningkatkan tahap penglihatan pengguna jalan raya yang lain sekiranya kenderaan berat dan dagangan tersebut rosak atau berhenti di bahu jalan. Pengguna jalan raya lain juga akan dapat melihat dengan lebih jelas dan terang dari jarak jauh hasil daripada pantulan cahaya oleh reflektor tersebut dan seterusnya dapat mengurangkan risiko berlakunya pelanggaran atau kemalangan yang tidak diingini.” kata Ketua Pengarah MIROS, Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim.

Penggunaan reflektor MS 828:2011 yang tidak mematuhi piawaian tidak efektif dan mampu meningkatkan risiko berlakunya nahas jalan raya terutamanya pada waktu malam.

Video kempen “Lebih Terang Lebih Selamat” ini boleh didapati di pautan https://miros.gov.my/xs/video_gallery.php dan laman Facebook dan Twitter MIROS (@mirosroadsafety).

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my